UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جَامِعَةُ العُلُومِ الإِسْلَامِيَّةِ المَالِيزِيَّة
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



# PENGURUSAN PEROLEHAN DENGAN PEMATUHAN PEKELILING PERBENDAHARAAN PP/WP7.5

Oleh: Kapten Bersekutu (Pertahanan Awam) Suhaimi Affandi Dato’ Hj. Sudin



**Amanat YBrs. Puan Pemangku Bendahari, Zuraida Zakaria**

USIM

*“Semua PTJ diminta mengambil maklum bahawa **Mesyuarat Jk. Pemilihan Sebut Harga Universiti dan Lembaga Perolehan akan bersidang dengan kadar segera** sebaik sahaja tempoh lock down berakhir atau setelah kebenaran mesyuarat secara bersemuka diperolehi daripada pihak Kementerian Kewangan. Oleh yang demikian, **PTJ berkaitan** diminta memastikan **Jawatankuasa-Jawatankuasa Perolehan PTJ selesai bersidang** dan **Laporan Penyelarasan/Penilaian Sebut Harga/Tender dilengkapkan** sepenuhnya untuk tindakan susulan Urusetia Perolehan. Selain itu, PTJ diminta mengambil tindakan segera berhubung **Perolehan Tahunan PTJ yang masih belum selesai** terutamanya yang berkaitan dengan **penyambungan kontrak perkhidmatan utama Universiti** bagi mengelakkan kelewatan pelaksanaan perolehan berkenaan terutamanya pada penghujung tahun semasa. Semua **perolehan tahun 2021 perlu diselesaikan** selewat-lewatnya pada **penghujung bulan Oktober 2021**”*

USIM

**Mesyuarat PBM iaitu Lembaga Perolehan (LP) dan Jawatankuasa Sebutharga (JKSH)** atau seumpamanya hendaklah ditangguhkan dalam tempoh pelaksanaan TLD Fasa 1.

**Tempoh sah laku tender dan sebut harga yang masih berkuat kuasa boleh dilanjutkan sekiranya perlu setelah mendapat kelulusan NC bagi tempoh sehingga 60 hari**. Kelulusan pelanjutan tempoh boleh menggunakan apa jua media komunikasi yang pantas seperti e-mel dan lain-lain.

**Agensi dibenarkan melanjutkan tempoh kontrak bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang diperlukan** dengan syarat berikut:

(i) Bagi kontrak bernilai **melebihi RM500 ribu**, kelulusan oleh NC
(ii) Bagi kontrak bernilai **sehingga RM500 ribu**, kelulusan oleh NC atau Pengerusi JKSH
(iii) Tempoh pelanjutan tidak melebihi 60 hari;
(iv) Tambahan kuantiti dibenarkan jika perlu untuk menampung keperluan selama 60 hari sahaja;
(v) Pengecualian terhadap syarat-syarat yang ditetapkan oleh AP201.1;
(vii) Perjanjian tambahan (supplementary agreement – SA) hendaklah disediakan;
(viii) Bon pelaksanaan bagi pelanjutan baharu ini tidak perlu dikemukakan.

**Kontrak bekalan/ perkhidmatan/ kerja bagi sektor yang dikategorikan sebagai sektor ekonomi/perkhidmatan perlu** (essential economic/service sector) oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) boleh diteruskan dalam tempoh TLD Fasa 1 berdasarkan obligasi kontrak tertakluk kepada SOP yang ditetapkan. Contoh adalah seperti perkhidmatan pembersihan bangunan, kawalan keselamatan dan penyelenggaraan di bangunan. Manakala, bagi kontrak yang tidak dapat diteruskan, Agensi hendaklah **menangguhkan pelaksanaan kontrak melalui arahan oleh Pegawai Penguasa (SO)/ Pengarah Projek (PD)/ Pentadbir Kontrak selaras dengan klausa kontrak**. Contoh adalah seperti pembekalan makanan bermasak di asrama/kolej kediaman. Arahan penangguhan perlu dimaklumkan kepada syarikat secara rasmi.

**Pelaksanaan tender/sebut harga yang diiklankan/dipelawa dalam tempoh TLD Fasa 1**:

**Iklan Baharu**:
Tender/sebut harga boleh diiklankan/ dipelawa bagi memastikan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) 2021 Agensi dapat dilaksanakan. Agensi perlu memastikan tempoh tutup iklan tender/sebut harga yang munasabah iaitu selepas tempoh TLD Fasa 1 berakhir bagi membolehkan syarikat tiada halangan untuk menyertai tender/sebut harga tersebut.

**Telah iklan:**
Agensi boleh melanjutkan tempoh iklan/ pelawaan sekiranya perlu. Kuasa pelanjutan tarikh tutup iklan tender/sebut harga yang sedang diiklankan terletak kepada NC.

# KANDUNGAN SLAID TAKLIMAT



Latar Belakang



WP 7.5 & Pelaksanaan Dalam Konteks USIM



Isu-Isu Perolehan Universiti & Cabaran / Penambahbaikan Pengurusan Perolehan USIM



# LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG

- 29 Jan 2019 - Inisiatif NACP 2019-2023 berkaitan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) iaitu:

  1. Inisiatif ke-6: Memperkenalkan dasar berhubung dengan pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun yang berasaskan kepada kelayakan akademik dan/atau kelayakan professional sahaja; dan
  2. Inisiatif ke-22: Mengenakan pendekatan bersyarat dalam penggunaan dana Kerajaan ke atas semua BBP yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

TUJUAN

- Memastikan akauntabiliti awam - Kerajaan Persekutuan masih bertanggungjawab kepada Rakyat ke atas perbelanjaan BBP yang melibatkan wang awam walaupun secara perundangannya BBP ditubuhkan di bawah entiti berasingan (Akta Tubuh)

- Mengelakkan isu perolehan yang tidak teratur sebagaimana yang dibangkitkan oleh orang awam dan JAN



**KERAJAAN MALAYSIA**

**Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan**

**(1 Oktober 2019)**

Penetapan Peraturan Perolehan BBP adalah merujuk kepada definisi **Sumber Peruntukan:**

1) **Peraturan Perolehan BBP yang menggunakan Dana Kerajaan Persekutuan sepenuhnya atau sebahagiannya**
2) **Peraturan Perolehan BBP yang menggunakan Dana Dalaman BBP**

# DEFINISI SUMBER PERUNTUKAN




1

DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Sumber Kerajaan Persekutuan secara geran, pinjaman atau sebarang peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya bagi membiayai perbelanjaan operasi mengurus (termasuk pembayaran emolumen) dan pembangunan projek/perolehan BBP;
- Baki daripada geran, pinjaman atau sebarang peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- Hasil atau faedah/hibah daripada pelaburan yang menggunakan sumber Kerajaan Persekutuan.

2

SUMBER DALAMAN BBP

- Terimaan atau hasil selain daripada dana Kerajaan Persekutuan seperti dinyatakan di atas.

# LEMBAGA PEROLEHAN BBP



- Boleh menggunapakai apa-apa gelaran
- Satu (1) LP sahaja sama ada untuk peruntukan Kerajaan Persekutuan atau sumber dalaman BBP
- Keanggotaan LP BBP diwartakan berdasarkan jawatan. Urusan semakan draf dan pewartaan Lembaga Perolehan BBP diselaraskan oleh pihak Kementerian Pengawal dan cetakan warta diuruskan oleh BBP masing-masing.



- Keanggotaan diluluskan oleh Lembaga Pengarah
- Pengerusi & Pengerusi Ganti (PPG) merupakan pegawai awam/BBP dalam kalangan ALP
- PPG bukan lantikan politik
- PPG bukan Pengerusi Lembaga Pengarah BBP berkenaan
- BBP yang mempunyai wakil MOF dalam Lembaga Pengarah boleh turut menganggotai Lembaga Perolehan
- Wakil daripada Jabatan Teknik BBP/JKR Malaysia/JPS Malaysia boleh menganggotai Lembaga Perolehan jika kepakaran teknikal diperlukan.
- Lembaga Pengarah boleh melantik mana-mana pegawai awam/BBP sebagai ahli Lembaga Perolehan yang boleh beri sumbangan kepakaran dalam bidang tertentu, jika diperlukan.
- Korum: 3 orang termasuk Pengerusi.



- Keputusan Lembaga Perolehan hendaklah sebulat suara dan muktamad.
- Jika tidak sebulat suara:

  Dana Kerajaan
  Diperaku kepada MOF melalui Lembaga Pengarah & Kementerian Pengawal

  Sumber Dalaman
  Diperaku kepada Lembaga Pengarah

# JAWATANKUASA SEBUT HARGA BBP



- Boleh menggunapakai apa-apa gelaran
- Boleh mempunyai dua (2) Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) untuk memutuskan perolehan sebut harga iaitu:
  1. JKSH B: Melebihi RM20 ribu hingga RM50 ribu;
  2. JKSH : Melebihi RM50 ribu hingga RM500 ribu
- Tidak memerlukan pewartaan.



- Keanggotaan diluluskan oleh Lembaga Pengarah
- Pengerusi & Pengerusi Ganti (PPG) merupakan pegawai BBP
- PPG bukan Pengerusi Lembaga Perolehan dan Lembaga Pengarah BBP berkenaan
- Ahli JKSH boleh dilantik dalam kalangan pegawai BBP
- Wakil daripada Jabatan Teknik BBP/JKR Malaysia/JPS Malaysia boleh menganggotai JKSH jika kepakaran teknikal diperlukan.
- Korum: 3 orang termasuk Pengerusi.



- Keputusan JKSH hendaklah sebulat suara dan muktamad.
- Jika tidak sebulat suara:

  Dana Kerajaan dan Dana Dalaman

  Diperaku kepada Lembaga Perolehan untuk keputusan muktamad



# HAD NILAI PIHAK BERKUASA MELULUS BBP





JKSH



LP

Sehingga RM20k*

Melebihi RM20k – RM500k

Melebihi RM500k – RM100j

Melebihi RM100j

Dana Kerajaan Persekutuan

Sumber Dalaman BBP





JKSH



LP



BOARD OF DIRECTORS

Sehingga RM20k*

Melebihi RM20k – RM500k

Melebihi RM500k – RM100j

Melebihi RM100j

* CEO boleh menurunkan kuasa secara bertulis kepada pegawainya untuk memutuskan perolehan setakat RM20 ribu sahaja



# KAEDAH PEROLEHAN (BEKALAN & PERKHIDMATAN)

| Kaedah Perolehan | Had Nilai (RM) (setahun/ sesuatu kontrak) |
|---|---|
| Pembelian Terus | Sehingga RM 20 ribu:<br>❑ Sama ada syarikat berdaftar atau tidak dengan MOF<br>❑ Sama ada syarikat bumiputera/bukan bumiputera<br>❑ Kajian pasaran min. 3 syarikat |
| Sebut Harga | Melebihi RM20 ribu sehingga RM50 ribu:<br>❑ Pelawa min. 3 syarikat bumiputera & bukan bumiputera yang berdaftar dengan MOF |
| | Melebihi RM50 ribu sehingga RM100 ribu:<br>❑ Pelawa min. 5 syarikat bumiputera yang berdaftar dengan MOF |
| | Melebihi RM100 ribu sehingga RM500 ribu:<br>❑ Pelawa min. 5 syarikat bumiputera & bukan bumiputera yang berdaftar dengan MOF |
| Tender Terbuka/ Pre-Q | Melebihi RM500 ribu<br>❑ Terbuka kepada semua syarikat bumiputera & bukan bumiputera yang berdaftar dengan MOF |

# KAEDAH PEROLEHAN (KERJA)



*CIDB: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

*SPKK: Sijil Perolehan Kerja Kerajaan

*STB: Sijil Taraf Bumiputera

*PUKONSA: Sijil Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah

*UPKJ: Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak

| Kaedah Perolehan | Had Nilai (RM) (sesuatu kontrak) |
|---|---|
| Lantikan Terus | Sehingga RM20 ribu:<br>❑ Kontraktor G1 yang berdaftar dengan CIDB & mempunyai SPKK/PUKONSA/UPKJ dan STB |
| Undian/ Pusingan/ Sebut Harga (Kerja Requisition*)<br>*kerja kecil & pembaikan yang tidak ubah struktur asal) | Sehingga RM50 ribu:<br>❑ Guna Jadual Kadar Harga<br>❑ Undian/Pusingan di kalangan kontraktor G1 yang berdaftar dengan CIDB & mempunyai SPKK/PUKONSA/UPKJ |
| | Melebihi RM50 ribu:<br>❑ Tidak guna Jadual Kadar Harga<br>❑ Sebut harga di kalangan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB & mempunyai SPKK/PUKONSA/UPKJ |
| Sebut Harga | Melebihi RM20 ribu sehingga RM200 ribu:<br>❑ Pelawa min. 5 kontraktor G1 yang berdaftar dengan CIDB & mempunyai SPKK/PUKONSA/UPKJ |
| | Melebihi RM200 ribu sehingga RM500 ribu:<br>❑ Pelawa min. 5 kontraktor G2 yang berdaftar dengan CIDB & mempunyai SPKK/PUKONSA/UPKJ |
| Tender Terbuka/ Pre-Q | Melebihi RM500 ribu<br>❑ Terbuka kepada kontraktor G3 hingga G7 (Bangunan/Awam/Mekanikal)<br>❑ Terbuka kepada G2 hingga G7 (Elektrik) |




| Gred | | Kategori | Pengkhususan |
|---|---|---|---|
| G1 | Tidak melebihi RM200,000.00 | B<br>Pembinaan Bangunan<br><br>CE<br>Pembinaan Kejuruteraan Awam<br><br>ME<br>Mekanikal dan Elektrikal | B01 - B29<br>CE01 - CE43<br>M01 - M23<br>E01 - E35 |
| G2 | Tidak melebihi RM500,000.00 | | |
| G3 | Tidak melebihi RM1,000,000.00 | | |
| G4 | Tidak melebihi RM3,000,000.00 | B<br>Pembinaan Bangunan<br><br>CE<br>Pembinaan Kejuruteraan Awam<br><br>ME<br>Mekanikal dan Elektrikal<br><br>F<br>Fasiliti | B01 - B29<br>CE01 - CE43<br>M01 - M23<br>E01 - E35<br>F01-F02 |
| G5 | Tidak melebihi RM5,000,000.00 | | |
| G6 | Tidak melebihi RM10,000,000.00 | | |
| G7 | Tiada had | | |



# KAEDAH PEROLEHAN (PERUNDING)

| Kaedah Perolehan | Had Nilai (RM)<br>(sesuatu kontrak) |
|---|---|
| Lantikan Terus:<br>a) Projek fizikal<br>b) Kajian<br>c) Kerja Ukur | Kos projek sehingga RM50 juta<br>Kos kajian sehingga RM500 ribu<br>Kos kerja sehingga RM500 ribu<br><br>Senarai pendek di kalangan tiga (3) firma yang berdaftar dengan MOF secara penggiliran tertakluk kepada kod bidang berkaitan |
| Tender:<br>a) Projek fizikal<br>b) Kajian<br>c) Kerja Ukur | Kos projek melebihi RM50 juta<br>Kos kajian melebihi RM500 ribu<br>Kos kerja melebihi RM500 ribu<br><br>Pelawaan di kalangan firma yang berdaftar dengan MOF tertakluk kepada kod bidang berkaitan |



# KAEDAH PEROLEHAN (KONTRAK PUSAT)

1.  HDPE Fittings
2. 

A4 80 gsm
3.  Peluru & Pyrotechnic
4. POSLAJU NATIONAL COURIER – Pos Laju
5. 

Sampul Surat
6. Microsoft – MLA
7.  Alat Pemadam Api

Pembelian Terus dengan Syarikat

*A4 80GSM: **Auto Trance Services Sdn. Bhd** mulai 1 Jun 2021-31 Mei 2024

*MASTER LICENSING AGREEMENT (MLA) tamat pada 31 Januari 2021



# KAEDAH PEROLEHAN (KONTRAK PANEL)

1.  Perabot Berasaskan Kayu
2.  Perabot Pejabat Kerusi Kain
3.  Perabot Logam
4.  Perabot Berasaskan Rotan
5.  Perabot Jenis Polypropylene
6.  Perabot Katil Besi 1 Tingkat & 2 Tingkat
7.  Ayam

Items 1–6 → Pembelian Terus/Sebut Harga (Mengikut Had Nilai) Di Kalangan Syarikat Panel

Item 7 → Pembelian Terus/Rundingan Terus (Mengikut Had Nilai) dengan Syarikat Panel Tunggal

# KAEDAH RUNDINGAN TERUS & TENDER TERHAD

## RUNDINGAN TERUS

Dibenarkan tertakluk kepada kriteria berikut (PK7.15):



Kesegeraan Atas Kepentingan Awam




Penyeragaman



Satu Punca



Keselamatan & Strategik




Pembuat Bumiputera




Kuat kuasa : 29 Jun 2018

# RUJUKAN KEPADA JABATAN TEKNIK



BBP yang ada Jabatan Teknik sendiri (e.g. Universiti Awam)

1. Jabatan Teknik bagi BBP yang dimaksudkan adalah perlu ada full-fledged technical team melibatkan Arkitek, Jurutera Awam & Struktur, Jurutera Mekanikal, Jurutera Elektrik dan Ukur Bahan yang mencukupi bersesuaian dengan bilangan projek fizikal yang akan dilaksanakan serta tidak memerlukan perkhidmatan Project Management Consultant (PMC) dan Independent Checking Engineers (ICE)
2. BBP tidak perlu merujuk kepada JKR/JPS selaras dengan kehendak AP182
3. Namun, BBP digalakkkan mendapatkan pandangan kedua daripada JKR/JPS jika projek kompleks/mega
4. Terpakai untuk peruntukan Kerajaan Persekutuan & Sumber Dalaman



BBP yang TIDAK ada Jabatan Teknik sendiri

1. Tidak mempunyai full-fledged technical team serta bergantung dengan PMC dan ICE
2. BBP PERLU merujuk kepada JKR/JPS selaras dengan AP182
3. Terpakai untuk peruntukan Kerajaan Persekutuan & Sumber Dalaman




# PEMAKAIAN BON PELAKSANAAN (BP)

1. PEMATUHAN
   - Mematuhi PP/PK4.2:

     B&P — Kerja

     2.5% x Jum Kontrak Setahun (≤ RM500k) — 5% x Jum Kontrak

     5% x Jum Kontrak Setahun (>500k)

2. PENGECUALIAN BON PELAKSANAAN
   - Satu (1) punca (termasuk syarikat asing)

3. PBM (BP tidak diperlukan bagi kontrak bernilai sehingga RM200k )

DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN

| Had Nilai | PBM |
|---|---|
| >RM200k - RM500k | JKSH |
| >RM500k - RM100j | LP |
| >RM100j | MOF (melalui Lembaga Pengarah & Kementerian Pengawal) |

SUMBER DALAMAN BBP

| Had Nilai | PBM |
|---|---|
| >RM200k - RM500k | JKSH |
| >RM500k - RM100j | LP |
| >RM100j | Lembaga Pengarah |

4. ALTERNATIVE BP
   - 10% daripada nilai kontrak; atau
   - Tahan keseluruhan bayaran akhir sehingga obligasi selesai

# PENGLIBATAN ANAK SYARIKAT DALAM PEROLEHAN BBPNYA





Dibenarkan

TERTAKLUK KEPADA SYARAT

1. Mematuhi peraturan yang ditetapkan melalui Pekeliling Perbendaharaan
2. Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat yang akan mempertimbangkan perolehan tersebut perlu isytihar kepentingannya & tidak berada dalam mesyuarat berkenaan







# Penggunaan Sistem ePerolehan (eP) MOF

BBP **diberikan pengecualian** daripada pemakaian Sistem eP yang dibangunkan oleh MOF

# PROJEK PPP (Public Private Partnerships)

## KRITERIA PPP

| Model PPP | Kos Projek | Tempoh Konsesi | Modal Berbayar |
|---|---|---|---|
| Penswastaan | RM 25 Juta | Sekurang-kurangnya 7 tahun | Sekurang-kurangnya RM 275,000 |
| Inisiatif Pembiayaan Swasta | RM 100 Juta | Bergantung kepada model perniagaan - (di antara 15 - 25 tahun) | Sekurang-kurangnya RM 275,000 |

## KAEDAH PPP

| Penswastaan | Inisiatif Pembiayaan Swasta | Lain-lain |
|---|---|---|
| Penjualan Aset / Equiti | Bina - Pajak - Pindah [BLT] | *Off Take* |
| Pengkorporatan | Bina - Pajak - Selenggara - Pindah [BLMT] | *Joint Venture* |
| Pertukaran Tanah | Bina - Pajak - Selenggara - Kendali - Pindah [BLMOT] | |
| Bina - Kendali - Pindah [BOT] | | |
| Bina - Kendali - Milik [BOO] | | |
| Kontrak Pengurusan | | |
| *Outsourcing* | | |
| Pajakan | | |

Projek PPP yang menggunapakai peruntukan Kerajaan Persekutuan dan sumber dalaman perlu merujuk kepada UKAS terlebih dahulu.

# CONTOH PROJEK PPP YANG DIRUJUK OLEH BBP KEPADA UKAS




**Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)**
Jabatan Perdana Menteri

# PERKARA LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN DI PP/WP7.5




Kerajaan Persekutuan






Badan Berkanun Persekutuan




Mematuhi Pekeliling MOF

# PENGECUALIAN PERATURAN PEROLEHAN




SUMBER DALAMAN BBP
(sepenuhnya)




DANA KERAJAAN PERSEKUTUAN
(sebahagian/sepenuhnya)

# PELAKSANAAN PP/WP7.5 DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA




*Gambar di atas sekadar hiasan*

# PELAKSANAAN WP7.5 USIM

USIM

Tatacara Perolehan USIM telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK) USIM Bil. 5/2019 bertarikh 12 Disember 2019, Mesyuarat Lembaga Perolehan (LP) USIM Bil. 5/2019 bertarikh 13 Disember 2019 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah (LPU) USIM Bil 5/2019 bertarikh 19 Disember 2019.

Sejajar dengan pelaksanaan PEKELILING PERBENDAHARAAN WP7.5 di USIM, semua peraturan perolehan semasa perlu merujuk kepada portal Pekeliling Perbendaharaan yang terkini. Ini bermaksud, **semua peraturan/pekeliling perolehan sedia ada/terkini yang dikeluarkan oleh MOF adalah berkuatkuasa pelaksanaannya di USIM secara SERTA MERTA**. (Punca kuasa: PEKELILING BENDAHARI BIL: 14/2016 DAN BIL. 6/2019).

# PELAKSANAAN WP7.5 USIM

Tatacara di atas adalah berdasarkan kepada Peraturan Perolehan Badan Berkanun Persekutuan (WP7.5) yang menggunakan dana Kerajaan Persekutuan Sebahagian/Sepenuhnya. Peraturan WP7.5 yang menggunakan Dana Dalaman Sepenuhnya adalah TIDAK TERPAKAI di USIM.

Bagi peraturan lain yang tidak dinyatakan secara khusus atau terdapat perbezaan pada peraturan perolehan yang dinyatakan dalam tatacara ini, (**selain daripada Peraturan Perolehan Dalaman/Khusus yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti/Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti/LPU**) PTJ hendaklah mematuhi peraturan perolehan yang berkuat kuasa dengan merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang terkini di pautan http://ppp.treasury.gov.my.

# PELAKSANAAN WP7.5 USIM

Senarai Rujukan Pekeliling Perbendaharaan yang perlu dibaca bersama Tatacara Perolehan Universiti (Pekeliling Bendahari Bil.14/2016)

1) **PP/PK1: Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan**
2) **PP/PK2: Kaedah Perolehan Kerajaan**
3) **PP/PK3: Kaedah Perolehan Perunding**
4) **PP/PK4: Pentadbiran Kontrak Dalam Perolehan Kerajaan**
5) **PP/PK5: Perolehan Secara Elektronik**
6) **PP/PK6: Kemudahan Pembiayaan Dalam Perolehan Kerajaan**
7) **PP/PK7: Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan**
8) **PP/PK8: Ketidakpatuhan Dalam Perolehan Kerajaan**



# PELAKSANAAN WP7.5 USIM

Antara Pekeliling Perbendaharaan & Arahan MOF yang berkuatkuasa serta merta di USIM dan SEMUA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN selaras dengan pelaksanaan WP7.5 dan P.BENDAHARI BIL.14/2016 & BIL.6/2019:

1) **PK 2.2: Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2021 (Kuat kuasa 1 Januari 2021)**
2) **PK 2.2: Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2020 (Kuat kuasa 23 April 2020)**
3) **PK 2.4: PERATURAN BERKAITAN LANJUTAN MASA (EOT) ATAU LANJUTAN TEMPOH KONTRAK (LTK) BAGI KONTRAK KERAJAAN YANG TERKESAN OLEH PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) ( Kuat Kuasa Pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2020 )**
4) **Soalam lazim berkaitan perolehan Kerajaan berikutan pelaksanaan PKP, PKPB & PKPP (Tahun 2020-2021)**

# PELAKSANAAN WP7.5 USIM

*Serentak dengan pematuhan kepada WP7.5, semua **KUASA PEROLEHAN KHAS** yang sebelum ini diperuntukkan kepada **Naib Canselor USIM** adalah dibatalkan berkuatkuasa 19 Disember 2019.*

(Punca kuasa: PEKELILING BENDAHARI BIL: 14/2016 DAN BIL. 6/2019)

# PELAKSANAAN WP7.5 USIM: KEAHLIAN LEMBAGA PEROLEHAN USIM

| KEAHLIAN LEMBAGA PEROLEHAN (LP) USIM SEDIA ADA (RUJ: MINIT JTK USIM BIL. 3/2018) | PINDAAN* (Berkuatkuasa mengikut tarikh kelulusan JKTK USIM Bil. 4/2019) |
|---|---|
| Pengerusi: **Naib Canselor**<br>Atau **TNC Akademik & Antarabangsa** | Pengerusi: **Naib Canselor**<br>Pengerusi Ganti: **TNC Akademik & Antarabangsa** |
| Ahli: **TNC Penyelidikan & Inovasi**<br>Ahli: **Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan** | Ahli: **TNC Penyelidikan & Inovasi**<br>Ahli: **Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan dalam Lembaga Pengarah Universiti** |
| Ahli: **Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)** | Ahli: **Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi dalam Lembaga Pengarah Universiti** |
| Ahli: **Wakil Jabatan Kerja Raya Negeri** | Ahli: **Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sembilan**<br>Ahli Ganti JKR**: Juruukur Bahan Penguasa** |
| Setiausaha: **Bendahari** | Setiausaha: **Bendahari** |
| Urusetia: Pegawai Kewangan Unit Perolehan | Urusetia: Pegawai Kewangan Unit Perolehan |

# PELAKSANAAN WP7.5 USIM - JKPS

**<u>JAWATANKUASA PEMILIHAN SEBUT HARGA USIM</u>**



Pengerusi: **Bendahari**

Pengerusi Ganti: **Timbalan Bendahari Kanan**

Ahli: **Wakil Pendaftar**

Ahli: **Timbalan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi**

Ahli: **Wakil Pengarah Pembangunan, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF)**

Setiausaha: **Pegawai Kewangan Jabatan Bendahari**



| Bil | Had Nilai Belian Terus | Kaedah dan Syarat Perolehan | Pihak Berkuasa Melulus |
|---|---|---|---|
| i. | Sehingga RM500.00 | a. Dilaksanakan menggunakan panjar wang runcit | Ketua PTJ |
| ii. | **Melebihi RM500.00 hingga RM1,000.00** | a. Dilaksanakan secara pembelian terus tanpa menggunakan Pesanan Rasmi daripada mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. | Ketua PTJ |
| iii. | Melebihi RM1,000.00 sehingga RM20,000.00 setahun atau sesuatu kontrak | a. Dilaksanakan secara pembelian terus daripada mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.<br>b. Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan. | Ketua PTJ |

# PELAKSANAAN WP7.5 USIM – Jawatankuasa Sebut Harga Kecil PTJ (JKSH-PTJ)



- Nilai RM 20,000 sehingga RM 50,000
- Syarat berdaftar dengan Kementerian Kewangan
- Tiada syarat Bumiputera atau tidak
- Ada kajian pasaran (Pelawaan kepada 3 pembekal)
- Tidak tertumpu kepada pembekal tertentu
- Tempoh Notis dipendekkan kepada 3 hari
- Jk Pembuka Sebut Harga tidak diperlukan
- Jawatankuasa Penilaian dilantik oleh Ketua PTJ
- Jawatankuasa Sebut Harga Kecil PTJ (JKSH PTJ) dilantik oleh NC

# PELAKSANAAN WP7.5 USIM: JAWATANKUASA SEBUT HARGA KECIL PTJ (JKSH PTJ)

## PEROLEHAN SEBUT HARGA KECIL (BEKALAN/PERKHIDMATAN RM20-RM50 RIBU)

### JK PENILAIAN PTJ

- 1 JK PENILAIAN SAHAJA (TEKNIKAL & HARGA)
- 3 ORANG AHLI TERMASUK PENGERUSI DILANTIK OLEH KETUA PTJ
- PELAWAAN KEPADA 3 PEMBEKAL BERDAFTAR MOF
- FORMAT LAPORAN PENYELARASAN SEBUT HARGA (JKPS)

### JKSH "PTJ"

- 3 ORANG AHLI TERMASUK PENGERUSI DILANTIK OLEH NC
- PENGERUSI BERBEZA DARIPADA PENGERUSI JK PENILAIAN
- PENGERUSI JK PENILAIAN HADIR SEBAGAI PEMBENTANG
- JKSH PTJ TIDAK BOLEH DIANGGOTAI OLEH JK PENILAIAN

**CONTOH FORMAT LAPORAN PENILAIAN DAN LAPORAN JKSH PTJ ADALAH MERUJUK KEPADA TEMPLATE/CONTOH LAPORAN YANG DISEDIAKAN OLEH UNIT PEROLEHAN**

## PELAKSANAAN WP7.5 USIM: JAWATANKUASA SEBUT HARGA KERJA (RM20 RIBU – RM50 RIBU)

Perolehan bernilai melebihi RM20,000 hingga RM50,000 hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Nyah Pusat JPPF. Ahli Jawatankuasa Sebut Harga Nyah Pusat JPPF hendaklah dilantik oleh Naib Canselor dengan senarai keahlian seperti berikut:

**(A) Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga**

i. Seorang pegawai daripada Kumpulan P&P yang bukan dari Unit yang memanggil sebut harga,
ii. Seorang pegawai daripada Kumpulan Pelaksana yang bukan dari Unit yang memanggil sebut harga

**(B) Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga**

i. Seorang pegawai daripada Kumpulan P&P dari Unit yang memanggil sebut harga (Pengerusi),
ii. Dua (2) orang pegawai daripada Kumpulan Pelaksana dari JPPF (Ahli)

**(C) Jawatankuasa Pemilihan Sebut Harga**

i. Pengarah Pembangunan (Pengerusi)
ii. Timbalan Pendaftar Kanan, JPPF (Ahli)
iii. Timbalan Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Kontrak, Arkitek dan Lanskap, JPPF (Ahli)
iv. Timbalan Pengarah, Bahagian Kejuruteraan, JPPF (Ahli)

**(D) Urusetia Sebut Harga**

i. Unit Kontrak dan Ukur Bahan, JPPF

# PELAKSANAAN WP7.5 USIM: RUNDINGAN TERUS

1) Pematuhan sepenuhnya Pekeliling Perbendaharaan PK 7: **Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan**
2) Permohonan perolehan secara rundingan terus bagi bekalan/perkhidmatan bukan perunding/kerja adalah berasaskan **kriteria ditetapkan oleh PK7.15.**
3) Permohonan pengecualian kepada Peraturan Perolehan hanya melalui sistem eGPA MOF.




eGPA

# PELAKSANAAN WP7.5 USIM: PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN PP/PK 7

USIM

7.1 Perolehan Bagi Penganjuran Majlis/Acara Rasmi Kerajaan Dan Jamuan Keraian Rasmi Kerajaan

7.2 Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej (**Pelantikan *Training Provider* perlu mematuhi PK2.1/WP10.9 & Penyediaan Laporan Jk. Penilaian**)

7.3 Penyertaan Latihan Yang Dianjurkan Oleh Agensi Kerajaan Atau Syarikat Swasta

7.4 Perolehan Penginapan, Makanan Dan Minuman Bagi Anggota Pentadbiran Dan Pegawai Awam Yang Melaksanakan Tugas Rasmi

7.5 Perolehan Perkhidmatan Makanan Dan Minuman Untuk Mesyuarat Dalaman

7.6 Perolehan Berkaitan ICT Dan Rangkaian Internet

7.7 Perolehan Kenderaan

7.8 Perolehan Perkhidmatan Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kenderaan

7.9 Perolehan Bahan Bakar Di Semenanjung Malaysia

Portal Pekeliling Perbendaharaan
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

# PELAKSANAAN WP7.5 USIM: PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN PP/PK 7

USIM

7.10 Perolehan Percetakan Warta Kerajaan
7.11 Perolehan Bekalan/Penghantaran Buku Cetakan/Terbitan Dalam Dan Luar Negara
7.12 Perolehan Bekalan Surat Khabar Dan Majalah Tempatan
7.13 Perolehan Perkhidmatan Penyelenggaraan/Pembaikan Penyaman Udara Yang Tidak Melibatkan Kerja Elektrik Yang Kompleks
7.14 Perolehan Perkhidmatan Penyiaran Pengiklanan Melalui Media
7.15 Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus
7.16 Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus
7.17 Kemudahan Perbelanjaan Perubatan Untuk Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009

Portal Pekeliling Perbendaharaan
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

# RUNDINGAN TERUS

Lantikan Jk Penilaian oleh Ketua PTK: Had amaun sehingga RM50 ribu sahaja

Jawatankuasa Rundingan Harga Universiti dilantik oleh NC sahaja




Surat Niat disediakan oleh PTJ

SST perlu disediakan tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas kelulusan muktamad harga oleh PBM

JKSH PTJ boleh memuktamadkan Rundingan Harga bagi amaun perolehan RM20 RIBU HINGGA RM 50 RIBU

# Pengecualian Penggunaan Pesanan Rasmi USIM

a) Perolehan Kerja-Kerja Segera (Kerja-kerja Segera perlu disyorkan oleh Pengarah Pembangunan/ Pengarah SDEC dan makluman rasmi kepada Jabatan Bendahari sebelum kerja-kerja segera dilaksanakan. Contoh kerja-kerja segera seperti kebocoran tangki air, kerosakan kabel rangkaian ICT, paip pecah dan kerosakan infrastruktur bangunan disebabkan ribut petir)
b) Perolehan Kerja yang membabitkan kontrak/bayaran berkala/interim.
c) Perolehan Bekalan/Perkhidmatan yang membabitkan kontrak/bayaran berkala/interim
d) Perolehan Jamuan yang tidak melebihi RM 1,000.00 sama ada melalui pengusaha kafetaria dalaman atau pengusaha/pembekal luar.
e) Perolehan bekalan/perkhidmatan bagi amaun melebihi RM500.00 hingga RM1000.00
f) Pembelian tiket kapal terbang secara langsung dengan syarikat Penerbangan/waran penerbangan/Panel Agen Penerbangan USIM.

| PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA WP 7.5 | TATACARA PEROLEHAN UNIVERSITI |
|---|---|
| 1. Keahlian Lembaga Perolehan | 1. Perkara 2.3.28: Keahlian dan tugas Lembaga Perolehan Universiti |
| 2. Keahlian Jawatankuasa Sebut Harga | 2. Perkara 2.2.8: Penubuhan Dan Keahlian Jawatankuasa Sebut Harga |
| 3. Keputusan Tidak Sebulat Suara | 3. Perkara 2.2.11 & Perkara 2.3.30: Keputusan Perolehan Tidak Sebulat Suara (Sebut Harga & Tender) |
| 4. Pihak Berkuasa Melulus | 4. (i) Perkara 2.1: Perolehan Pembelian Terus<br>(ii) Perkara 2.2.8: Perolehan Sebut Harga<br>(iii) Perkara 2.3: Perolehan Tender |
| 5. Kaedah Perolehan | 5. Perkara 2.0: Kaedah Perolehan (Perolehan Bekalan/Perkhidmatan/Kerja/ Kontrak Pusat & Perunding) |

| PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA WP 7.5 | TATACARA PEROLEHAN UNIVERSITI |
|---|---|
| 6. Rundingan Terus dan Tender Terhad | 6. Perkara 2.4: Tender Terbuka Pra-Kelayakan<br>Perkara 2.5: Rundingan Terus |
| 7. Rujukan kepada Jabatan Teknik Bagi Pelaksanaan Projek Fizikal | 7. Perkara 2.10: Rujukan Kepada Jabatan Teknik Bagi Pelaksanaan Projek Fizikal |
| 8. Pemakaian Bon Pelaksanaan | 8. Perkara 2.2.12 & Perkara 2.3.34: Bon Pelaksanaan |
| 9. Penggunaan Sistem ePerolehan (eP) MOF | 9. Perkara 2.11: Penggunaan Sistem e-Perolehan MOF |
| 10. Projek Public Private Partnerships (PPP) | 10. Perkara 2.12: Projek PPP |
| 11. Perkara Lain Yang Tidak Dinyatakan Di Perenggan 3 WP7.5 | 11. Perkara 7.0: Semakan Tatacara dan Perkara Lain Yang Tidak Dinyatakan |
| 12. Pengecualian Peraturan Perolehan yang menggunakan Dana Kerajaan Persekutuan (Sebahagian /Sepenuhnya) | 12. Perkara 2.13: Pengecualian Peraturan Perolehan |
| 13. Kawalan dan pemantauan ke atas Lembaga Pengarah, Lembaga Perolehan dan/atau Kakitangan Universiti | 13. Perkara 4.0: Kawalan dan Pemantauan |

USIM

# ISU-ISU PEROLEHAN UNIVERSITI

USIM

Penemuan Audit

Jawatankuasa Siasatan




Jawatankuasa Audit

SPRM/PDRM/ Tindakan Tatatertib&Surcaj

# ISU-ISU PEROLEHAN UNIVERSITI

USIM

**Perancangan Perolehan Tahunan PTJ tidak dirancang dengan teliti dan sistematik**

Perancangan perlu dilaksanakan berdasarkan peruntukan dan kaedah perolehan ditetapkan

## ISU-ISU PEROLEHAN UNIVERSITI

**Pecah Kecil Perolehan**

- Amalan ini bermaksud memecahkecilkan perolehan bagi item yang sama kepada beberapa perolehan lain.

**Taktik PTJ**

- Taktik pecah kecil digunakan supaya sesuatu perolehan itu boleh dibuat secara pembelian terus, sekaligus mengelak daripada menggunakan kaedah sebut harga atau tender.

Mohon Kerjasama Ketua PTJ untuk mengawasi amalan/cubaan pecah kecil perolehan di PTJ masing-masing

# ISU-ISU PEROLEHAN UNIVERSITI

USIM

## Perolehan Tanpa Pesanan Rasmi (PO)

PO perlu dikeluarkan sebelum bekalan/perkhidmatan dilaksanakan.

Permohonan PO perlu ditandatangani oleh KETUA PTJ /Pegawai Diberi Kuasa mengikut had ditetapkan

ISU-ISU PEROLEHAN UNIVERSITI

# ISU INTEGRITI STAF USIM



- Isu *conflict of interest* melibatkan staf yang masih berkhidmat atau telah menamatkan perkhidmatan di Universiti boleh disabitkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang berkaitan dengan elemen rasuah dan salah guna kuasa.
- Manakala staf Universiti yang terbabit dengan salah laku berkaitan juga boleh disabitkan dan didakwa di bawah Akta 605, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj).

## ISU-ISU PEROLEHAN UNIVERSITI

USIM

- Perolehan Kerja-Kerja Segera yang tidak mematuhi syarat
- Lantikan Terus Bagi Perolehan Kerja Bawah RM20 ribu yang tidak mematuhi peraturan CIDB G1 Daerah Seremban
- Perolehan Barangan Import tidak dilaksanakan mengikut peraturan semasa yang berkuatkuasa
- Borang Integrity Pact tidak lengkap di PTJ
- Peraturan PK 7 (Rundingan Terus) tidak dipatuhi



# ISU-ISU PEROLEHAN UNIVERSITI – SURAT SETUJU TERIMA (SST), KONTRAK & BON PELAKSANAAN

USIM

- ❑ SST disediakan tidak mematuhi format ditetapkan oleh PP/PK 4.2
- ❑ SST tidak disemak oleh JUU sebelum ditandatangani (Ruj: Surat Pendaftar USIM bertarikh 24 Okt. 2018)
- ❑ SST & Kontrak tidak ditandatangani oleh penandatangan diberi kuasa
- ❑ SST disediakan selepas tempoh sah laku sebut harga/tender berakhir
- ❑ Tempoh perkhidmatan dalam SST yang berbeza dengan tempoh yang dinyatakan dalam Kontrak

# ISU-ISU PEROLEHAN UNIVERSITI – SURAT SETUJU TERIMA (SST), KONTRAK & BON PELAKSANAAN

USIM

- ❑ Penetapan/penentuan CJCP yang tidak tepat
- ❑ SST & maklumat pembekal disediakan dengan tidak lengkap
- ❑ Kenaan Denda tidak dinyatakan dalam kontrak pembekalan/perkhidmatan
- ❑ Tarikh penyediaan SST yang terlalu singkat dengan tarikh permulaan perkhidmatan dalam kontrak.
- ❑ Bon Pelaksanaan tersalah kira/tidak dilaksanakan mengikut peraturan
- ❑ Kontrak lewat ditandatangani melebihi tempoh 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan.

CUKAI JUALAN & PERKHIDMATAN MALAYSIA (CJP)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia

# CABARAN-CABARAN / PENAMBAHBAIKAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN USIM

1) Pematuhan sepenuhnya kepada Peraturan Perolehan MOF
2) Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan
3) Sistem ePerolehan USIM
4) Meminimumkan Risiko Pengurusan Perolehan – Pemilihan Pembekal Berkualiti



JABATAN BENDAHARI
Bursary
Universiti Sains Islam Malaysia

# PEKELILING BENDAHARI BIL. 14/2016:

1) Tatacara Pengurusan Perolehan USIM ini adalah adalah tertakluk kepada pindaan dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

2) Pihak Y. Bhg. Dato'/Datin /Prof./Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk memuat turun pindaan/semakan tatacara ini melalui sistem eDocs USIM.

# RUJUKAN:

1) Slaid Taklimat MOF WP7.5 KPM bertarikh 4 Disember 2019
2) Portal Pekeliling Perbendaharaan Malaysia
3) Tatacara Pengurusan Perolehan USIM (Dikemaskini 6 Dis. 2019)
4) Minit JKPU 6/2015: Kertas Kerja Permohonan Pelaksanaan Sebut Harga Kerja Secara Nyah Pusat JPPF



# TERIMA KASIH

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:
Kapt. Bersekutu (PA) Suhaimi Affandi Dato' Hj. Sudin
UNIT PEROLEHAN, JABATAN BENDAHARI
**suhaimi@usim.edu.my**
Tel (DL): 06-7988227
**atau hubungi staf Unit Perolehan:**
**Azah/Norazilawati/Ainuddin**
Tel: 06-798 8220/8221

JABATAN BENDAHARI
*Bursary*
Universiti Sains Islam Malaysia

#SiapSiaga I #APM

